

## **CABARAN PEMBANGUNAN BELIA BERDEPAN PASCA PANDEMIK DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit

### **Abstrak**

Pembangunan belia Islam sebagai modal insan yang berintegriti adalah salah satu strategi Kerajaan dalam usaha mencapai gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Ibn Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dan mencapai wawasan negara 2035 dalam membentuk belia sebagai modal insan yang cemerlang dalam konsep duniawi dan ukhrawi. Sebagai sebuah negara Islam, strategi untuk membangun ummah ini tidak akan lengkap tanpa di asaskan kepada rujukan yang utama dan elemen yang jitu iaitu Al-Quran dan Hadis Nabawi. Situasi dunia pada hari ini yang berdepan dengan pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada pembangunan belia diseluruh dunia termasuk di Negara Brunei Darussalam. Kertas kerja ini akan membincangkan langkah-langkah pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam di dalam memangkin pembangunan belia di Brunei Darussalam pasca pandemik Covid-19.

### **Pendahuluan**

Dalam zaman yang penuh dengan pancaroba ini para belia masa sekarang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menghanyutkan mereka kepada jalan yang tidak betul. Untuk membincangkan perkara yang amat penting ini, seeloknya ada beberapa hal yang perlu dititikberatkan dan didiskusikan bersama bagi memastikan kerangka permasalahan dapat dicerna dengan teliti.

Perkara yang paling utama walhal ianya sudah dimaklumi oleh kesemua para penganut Islam atau bukan ialah sumber rujukan utama di dalam agama Islam iaitu Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Sumber rujukan autoriti ini adalah paksi utama bagi umat Islam dalam membentuk roh rabbani dan modal insan yang berakhlak mahmudah.<sup>1</sup>

Sebagai sebuah negara yang memegang teguh kepada Kitab suci Al-Quran, Sunnah Rasulullah dan ijtihad para alim ulama, ini adalah satu kelebihan bagi penduduk Brunei Darussalam untuk sentiasa berada di landasan yang betul. Bagi kita pula, seharusnya kita mempunyai dasar-dasar yang kukuh dalam pengambilan nas-nas dan hadis-hadis nabawi sharif dan memahami nas-nas tersebut dengan betul berlandaskan aqidah Ahli Sunnah wal Jemaah dan Mazhab Syafie seperti mana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

---

<sup>1</sup> Mahyuddin Ashaari, Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir. *Jurnal pendidikan Islam*. Jil. 9. Bil. 4. November 2001, m.s 24

Sultan haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibn Al Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien. Di dalam titah Baginda Kebawah Duli tentang belia, baginda bersabda bahawa: "belia adalah sebagai aset negara dan bakal penyambung usaha pembangunan, belia perlulah dipimpin ke arah hala tuju yang jelas agar mereka faham dan sedar akan peranan dan sumbangan mereka dalam membangunkan negara atau 'nation building'."<sup>2</sup>

Manakala Perkataan "pembangunan" yang banyak diungkapkan oleh cendekiawan hari ini juga perlu diberi perhatian yang penting terlebih-lebih lagi dalam konsep Islam itu sendiri. Ini adalah kerana ungkapan pembangunan yang banyak diguna pakai kini lebih merujuk kepada pembangunan dan perubahan yang berbentuk konsep barat.<sup>3</sup>

Pandemik Covid-19 telah mula dikesan positif di Brunei Darussalam pada 9 Mac 2020, Kementerian Kesihatan Brunei mengesahkan bahawa ujian koronavirus awal telah kembali dengan keputusan positif untuk lelaki berusia 53 tahun yang telah pulang dari Kuala Lumpur, Malaysia pada 3 Mac 2020. Bermula dari sana sehingga ke bulan September 2020, Brunei Darussalam telah mendapat seramai 147 kes positif Covid-19 dengan tiga kematian. Ada pun kertas kerja ini akan membincangkan mengenai cabaran yang di hadapi oleh pihak kerajaan dalam pembangunan belia berdepan pasca pandemik.

### **Istilah dan definisi belia:**

Menurut Kamus Dewan, belia bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi.<sup>4</sup>

Golongan umur belia adalah berbeza di sebahagian negara-negara tertentu, hal ini di rujuk kepada dokumen yang telah di keluarkan oleh *Commonwealth Youth Secretariat* mengenai had umur bagi belia: <sup>5</sup>

Bangladesh: 15 hingga 30 tahun

Brunei Darussalam: 15 hingga 35 tahun

India: 15 hingga 34 tahun

Malaysia: 15 hingga 25 tahun

Hong Kong: 10 hingga 24 tahun

---

<sup>2</sup> Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda ke-56, 1423H / 2002M

<sup>3</sup> Dr. Amran Muhammad, "Mengisi Makna Wawasan 2020", *Al-Hikmah* Bil. 2 / Tahun 3 (April-Jun 1997), Kuala Lumpur: ISTAC, hlm. 2.

<sup>4</sup> Kamus Dewan (edisi ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, m.s 131

<sup>5</sup> Kay, Tess, Dudfield, Oliver, *The Commonwealth Guide to Advancing Development Through Sport*, Commonwealth Secretariat, 2013, m.s 12

Golongan belia di Brunei Darussalam boleh dikategorikan kepada beberapa kelompok berdasarkan had umur mereka. Setiap peringkat umur para belia ini akan memiliki aktiviti yang berlainan di dalam kegiatan kehidupan mereka. Golongan-golongan ini dapat dibahagikan kepada beberapa kelompok:

1. Golongan belia remaja. Rata-rata kumpulan ini masih di bangku sekolah. Antara beberapa perkara yang perlu ditekankan pada kumpulan ini adalah mendidik nilai, memupuk jati diri, di samping mendedahkan mereka dengan senario yang berubah dan impaknya ke atas mereka.<sup>6</sup> Remaja yang mengalami krisis dan konflik identiti perlu dibimbing menerusi Program Rakan Sebaya atau menjinakkan mereka dengan kaunseling remaja.

2. Golongan belia institusi pengajian tinggi atau penuntut (18 hingga 25 tahun). Golongan ini terdiri daripada penuntut yang berada di institusi pengajian tinggi dan lepasan sekolah menengah.<sup>7</sup> Mereka mula memasuki alam lebih bebas daripada kawalan ibu bapa mahupun peraturan sekolah. Pada peringkat ini, mereka perlu ditekankan dengan moral yang tinggi dan memupuk hubungan sihat apabila bergaul. Golongan ini perlu didedahkan dengan pelbagai peluang memajukan diri dalam bidang yang mereka ceburi. Galakkan belajar dan menimba pengalaman perlu diutamakan. Di samping itu, program yang dapat meningkatkan kesedaran sosial yang sihat perlu diusahakan dan dilaksanakan.

3. Golongan belia industri (25 hingga 35 tahun). Belia perlu diberi peluang meningkatkan diri dalam hal yang berkait dengan keperluan kemahiran bekerja dan membangunkan insan.<sup>8</sup> Gerakan dan usaha memulihkan imej pekerja industri perlu diutamakan dengan meletakkan mereka pada posisi yang lebih baik daripada segi nama dan kehidupan sosial mereka. Biasanya golongan ini sudah berumah tangga dan lebih menumpukan pada usaha mengukuhkan pendapatan keluarga serta mendidik anak-anak. Mereka ini lebih matang dan ada tanggungjawab yang lebih tinggi pada keluarga. Program membangunkan golongan ini perlu ditumpukan pada usaha meningkatkan kualiti hidup serta mengukuhkan institusi keluarga.

## **CABARAN BELIA DI ERA GLOBALISASI**

Bila kita menelusuri kitab-kitab sejarah Islam yang terdahulu, banyak kemenangan umat Islam diterajui oleh belia-belia Islam. Di antara punca utama kemenangan mereka ini adalah keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya yang tidak berbelah bahagi, Lebih-lebih lagi dengan mempunyai sifat-sifat yang *mahmudah* dan sifat perjuangan yang tinggi semata-mata untuk Allah dan rasul-Nya dan

---

<sup>6</sup> [http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ\\_akta\\_belia.pdf](http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ_akta_belia.pdf) retrieve 23/8/2014

<sup>7</sup> Ibid

<sup>8</sup> Ibid

keazaman yang tinggi untuk mempertahankan nilai-nilai Islam yang suci maka kemenangan sentiasa berpihak kepada Umat Islam ketika itu yang mana sedikit sebanyak diterajui oleh pemuda-pemuda Islam ketika itu seperti mana firman Allah: "Dialah yang mengutuskan rasulnya (dengan membawa) petunjuk yang benar dan agama yang hak untuk dimenangkan-Nya di atas seluruh agama walaupun orang-orang musyrik membencinya " (At-Taubah: 33)

Akan tetapi belia Islam masa kini hidup dalam lingkungan budaya yang banyak di cemari oleh unsur-unsur barat yang mana ini banyak melenyapkan unsur-unsur Islam yang murni. Para orientalis barat banyak mencuba untuk meracuni pemikiran, perasaan dan tingkah laku para belia ini dengan senjata utama mereka iaitu media massa. Ini jelas terbukti bila mana kebanyakan para belia sekarang lebih cenderung untuk mengambil pemikiran ideologi-ideologi barat, bahkan jika dilihat dalam sudut akhlak dan pergaulan banyak di kalangan mereka mencelup budaya-budaya barat yang mana ini telah menyalahi konsep Islamisasi.<sup>9</sup> Oleh kerana budaya dan tingkah laku para belia ini banyak yang telah di kotori oleh unsur-unsur yang tidak di ingini maka berlakunya pergaulan bebas tanpa had, seks bebas, pakaian yang tidak senonoh dan akhlak yang tidak baik di dalam diri mereka. Ini sudah setentunya bercanggah dengan hadis Nabi yang mana ketahui Baginda Rasulullah SAW telah dihantar untuk menyempurnakan akhlak yang mulia: "Sesungguhnya aku diutuskan tidak lain hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." (HR Imam Bukhari)

Manakala di dalam bidang ekonomi pula, banyak para belia sekarang banyak bergiat aktif di dalam bidang keusahawanan. Ini sudah setentunya menjadi kebanggaan bagi umat Islam untuk menonjolkan bahawa belia-belia Islam ini serba boleh dalam segala bidang. Akan tetapi apa yang menyedihkan ialah bila mana mereka lebih banyak untuk mempercayai sistem-sistem keusahawanan yang diajarkan oleh pihak barat yang mana lebih mengutamakan untuk mendapat keuntungan dengan cara yang bertentangan dengan ajaran Islam iaitu riba.<sup>10</sup> Bila mana perkara ini berleluasa di kalangan para belia ini maka ianya sudah pasti akan membawakan impak yang negatif bukan sahaja dari segi keberkatan rezeki mereka itu sendiri bahkan ianya juga akan mencemarkan kemurnian Islam itu sendiri.

Di sudut politik pula, jika kita kembali kepada sirah Nabawi dan suasana kehidupan para sahabat dulu, mereka tidak banyak berbelah pendapat dan berpecah belah sesama mereka kerana mereka dididik dengan firman Allah bahawa firman Islam itu bersaudara. Berlainan pula dengan belia masa kini,

---

<sup>9</sup> Wan Roslili Abd Majid., *Masyarakat Ulul Albab: Modal Insan Terbaik*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2008, m.s 16

<sup>10</sup> Tajul Ariffin Noordin dan Nor'Aini Dan, *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi. As Syabab Media, 2002, m.s 42

cabaran yang mereka hadapi sekarang ialah bila mana kebanyakan dari mereka telah disuntik dengan jiwa nasionalisme yang salah. Penyebaran nasionalisme yang berlebihan dan tidak mengikut landasan Al-Quran dan Hadis ini telah menimbulkan sifat *'taassub'* / fanatik di kalangan mereka yang mana setiap individu/ kaum/ puak melihat dirinya lebih hebat jika dibandingkan dengan yang lain.<sup>11</sup> Sewajarnya para belia Islam ini bersatu padu dalam membangun ummah Islam yang jitu dan dapat mempamerkan kepada agama lain bahawa agama Islam berdiri atas kesatuan ummah.

### **CABARAN BELIA PASCA PANDEMIK**

1. Pandemik telah memberi impak yang amat ketara di dalam pembangunan belia di Brunei Darussalam. Di sudut keagamaan, masjid-masjid telah di tutup dan sebarang aktiviti agama yang biasanya dilakukan secara berkumpulan telah diarahkan untuk diberhentikan sehingga suasana pulih kembali. Pada 16 Mac, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengumumkan penutupan semua masjid di negara itu selama seminggu dari hari keesokannya hingga 23 Mac termasuk pembatalan solat Jumaat, meskipun azan, zikir dan doa-doa masih dikumandang.
2. Belia-belie yang masih menuntut bermula dari sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti di arahkan untuk bercuti lebih awal daripada pelan tahunan yang telah dijadualkan daripada 16 Mac berpindah kepada 10 Mac dan cuti persekolahan yang dijadualkan hanya seminggu telah pun disambung sehingga bulan Jun kerana untuk menghindari penularan wabak Covid-19.
3. Dari sudut keusahawanan pula, ramai usahawan muda yang selalunya aktif menjual dan mengadakan perjumpaan pembeli secara berdepan telah banyak mengalami kerugian dan ada di antara mereka yang terpaksa menutup perniagaan kerana tidak mendapat pulangan keuntungan seperti biasanya.
4. Di samping itu belia-belie juga di arahkan untuk tidak melakukan riadah secara berkumpulan dan pihak kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menutup stadium, *gym* dan kelab riadah untuk membasmi penularan wabak ini. Semua perlawanan sukan juga telah ditunda sehingga keadaan pulih seperti biasa.
5. Tidak ketinggalan bagi mereka yang berhajat untuk melangsungkan

---

<sup>11</sup> Muhammad Syukri Salleh, *Falsafah Ilmu Pembangunan Berteraskan Islam* (Philosophy of Islamic Development's Knowledge), Islamic Centre, Universiti Sains Malaysia, Penang, 1985, m.s 36

perkahwinan, Semua acara-acara keramaian atau perkumpulan termasuk majlis perkahwinan dan acara kesukanan adalah tidak dibenarkan buat sementara waktu.

## **PEMBANGUNAN BELIA DALAM PASCA PANDEMIK**

Kerajaan Brunei Darussalam telah mengambil beberapa langkah di dalam membendung penularan pandemik Covid-19 ini dan melibatkan belia di dalam proses ini, di antaranya:

1. Penubuhan satu Jawatankuasa Ad-Hoc Sukarelawan Belia bagi mengumpul para sukarelawan yang berhasrat untuk membantu usaha menangani wabak ini di samping menyelaraskan pembahagian sukarelawan bagi membantu Kementerian Kesihatan. Sukarelawan ini ditempatkan untuk berada di Bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong bagi menempatkan pesakit-pesakit yang telah pun disahkan positif dari jangkitan Covid-19 untuk dipantau rapi di pusat pengasingan yang baru ini.
2. Mendapat elaun khas sebanyak \$400 (Empat ratus ringgit) sebulan, khusus kepada para doktor, jururawat, paramedik, pemandu, ambulans, sukarelawan, pembersih, penjaga keselamatan dan kesemua mereka yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan khususnya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin yang dikhaskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pemberian elaun khas ini bermula bulan Mac 2020 dan akan dilanjutkan sehingga berakhirnya wabak COVID-19 di negara Brunei Darussalam.
3. Pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam juga telah mengambil berat akan pendidikan belia ini terutamanya yang masih menuntut dengan mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi terutamanya platform pelajaran atas talian (*online*) kepada pelajar-pelajar dan guru-guru dengan penyediaan *bandwidth* dan data bagi meneruskan pembelajaran. Ini untuk memudahkan belia ini belajar dan berinteraksi secara atas talian sementara berada di kediaman masing-masing.
4. Memberikan peluang kepada belia untuk menjadi “*runner*” terutamanya yang mempunyai pesanan barangan di luar Brunei tetapi dengan syarat dan peraturan yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Perundingan dua hala antara Jabatan Perkhidmatan Pos, Negara Brunei Darussalam dan Pos Malaysia, Pos Malaysia telah memberikan kebenaran kepada Jabatan Perkhidmatan Pos selaku wakil

bagi pengambilan barang di Pos Miri dan Pos Limbang bagi penerima-penerima yang berada di Negara Brunei Darussalam. Bagi memudahkan proses penghantaran dan penerimaan barang yang dibeli secara *online* dari luar negara, orang ramai adalah disarankan untuk menggunakan alamat di Negara Brunei Darussalam.

5. Bagi menghidupkan semula suasana keagamaan pengajian di masjid-masjid bagi belia-belia ini, pihak kerajaan telah mengagihkan buku zikir dan doa Covid-19. Sebanyak 15 ribu naskah buku zikir dan doa diagihkan kepada sektor kerajaan dan sektor swasta di negara ini. Belia-belia juga boleh mendapatkan buku tersebut berbentuk format pdf dengan mengimbas kod QR dengan melayari laman sesawang [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn).
6. Bagi yang berhajat untuk melangsungkan perkahwinan dan mana yang telah terpaksa menunda dari bermulanya Covid-19, pihak kerajaan telah memberikan kelonggaran untuk melaksanakan acara tersebut untuk bernikah di mahkamah syarie Brunei Darussalam dengan mengikuti peraturan yang telah ditetapkan berhubung kait dengan pandemik Covid-19.
7. Bagi yang terjejas akan perniagaan mereka, kerajaan mengambil langkah dengan memberikan subsidi pembayaran gaji sebanyak 25 peratus kepada pekerja tempatan di Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai pekerja seramai 100 orang dan ke bawah - selama 3 bulan.
8. Bagi graduan-graduan yang terkesan untuk mencari pekerjaan ketika pandemik ini, kerajaan menggalakkan mereka untuk mengikuti *online training* secara percuma melalui platform Coursera yang menyediakan lebih dari 300 kursus yang berkaitan dengan hal ehwal perniagaan.
9. Belia-belia juga disarankan untuk melibatkan diri dalam berjual beli secara E-commerce platform 'e-kadai': ini adalah bertujuan untuk memberikan alternatif kepada para peniaga untuk memasarkan barangan mereka secara dalam talian (*online*).

## **Kesimpulan**

Melihat kepada senario perbincangan di atas, maka sewajarnya bagi setiap belia itu untuk terus mengukuhkan diri mereka walaupun sedang berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19 ini. Segala cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh para belia sama ada dari sudut sosial, ekonomi dan pendidikan, pasti ada cara untuk bangkit dan menjadi proaktif seperti sebelumnya. Mungkin cara pendekatan telah berubah kepada norma baharu tetapi semangat dan kecekalan

hati untuk terus maju ke hadapan mestilah diperkukuhkan. Para belia juga mestilah menyatakan rasa syukur dengan menyokong, dan memberikan khidmat yang terbaik kepada kerajaan, yang mana bertungkus lumus telah menyediakan *platform* bagi belia Brunei Darussalam ketika berdepan fasa pandemik Covid-19 ini. Harapan kami dengan adanya norma baharu ini, para belia akan kekal berinovasi dan integriti di dalam memangkin pembangunan Negara.

### **Rujukan**

Amran Muhammad, "Mengisi Makna Wawasan 2020", Al-Hikmah Bil. 2 / Tahun 3 (April-Jun 1997), Kuala Lumpur: ISTAC, 1997.

Fauzian Mohammad, Ke arah Pembentukan Masyarakat Madani, Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi. Panel Pengurusan YPEIM. 2005. Pengurusan dalam Islam. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn Bhd, 1997

Kamus Dewan (edisi ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994.

Kay, Tess, Dudfield, Oliver, The Commonwealth Guide to Advancing Development Through Sport, Commonwealth Secretariat, 2013.

Mahyuddin Ashaari, Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir. Jurnal pendidikan Islam. Jil. 9. Bil. 4. November 2001

Muhammad Syukri Salleh, "Pembangunan: Erti Sebenar Yang Dituntut Dalam Islam" (Development: Its True Meaning According to Islamic Doctrines), Harian Nasional, 10 February, Kuala Lumpur, 1984

Muhammad Syukri Salleh, Falsafah Ilmu Pembangunan Berteraskan Islam (Philosophy of Islamic Development's Knowledge), Islamic Centre, Universiti Sains Malaysia, Penang, 1985

Mukadimah Ibn Khaldun, Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

Sheikh Mohd. Saifuddeen Sheikh Mohd. Salleh. Belia dan Masyarakat, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001.

Tajul Ariffin Noordin dan Nor'Aini Dan, Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu. Bangi. As Syabab Media, 2002

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda ke-56, 1423H / 2002M

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1434

Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun ke-24 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2008.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1990. Budaya ilmu sebagai asas pembangunan tamadun. Jurnal Pendidikan Islam, Jil. 3. Bil.1, 1990.

Wan Roslili Abd Majid., Masyarakat Ulul Albab: Modal Insan terbaik, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2008.

Zulkifli Mohamed al-Bakri, Himpunan Hadis Modal Insan, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd, 2007

[http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ\\_akta\\_belia.pdf](http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ_akta_belia.pdf) retrieves 23/8/2014

*"Latest news - Detection of the First Case of COVID-19 Infection". Kementerian Kesihatan Brunei (dalam bahasa Inggeris).*

*"Brunei reports first coronavirus death". Reuters (dalam bahasa Inggeris). 28 Mac 2020. Dicapai pada 28 Mac 2020.*

"Press Releases & Press Info on Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)". *Kementerian Kesihatan Brunei* (dalam bahasa Inggeris).

Langkah-langkah Kerajaan Menangani Impak Covid  
<http://www.mtic.gov.bn/Documents/pdf>

**Penulis:**

Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit  
Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin,  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)